



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



*Pemenang Anugerah Kualiti
Perdana Menteri 2004
Pemenang Anugerah Perdana
Teknologi Maklumat 2006*



Tel. : 03-88853000/88854000
Faks : 03-88892205/2204/2202
Web : <http://www.jpa.gov.my>

Rujukan Kami : JPA(S)K 134/8/59 klt.2 (๓๓)
Tarikh : 19 Disember 2007

Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/OPERASI) [PT(P/O)] GRED N17 KE GRED N22
(KUMPULAN SOKONGAN) PERKHIDMATAN GUNASAMA AM
PERSEKUTUAN BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini mempelawa permohonan daripada PT(P/O) Gred N17 yang memiliki kelayakan untuk dipertimbangkan pemangkuan jawatan PT(P/O) Gred N22 yang kosong sekiranya mereka telah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (i) Telah disahkan dalam perkhidmatan ;
- (ii) Dilantik sebagai PT(P/O) Gred N17 pada atau sebelum 31.12.1983;
- (iii) Telah berkhidmat sebagai PT(P/O) Gred N17 tidak kurang daripada 10 tahun pada 31.10.2007;
- (iv) Markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang dari 80% bagi 3 tahun berturut-turut iaitu 2004, 2005 dan 2006;
- (v) Lulus Peperiksaan Tahap Kecekapan yang ditetapkan sama ada tahun 2003, 2004, 2005 atau 2006;
- (vi) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- (vii) Bebas dari hukuman tatatertib;

- (viii) Lulus tapisan Badan Pencegah Rasuah; dan
- (ix) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

3. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran A** (contoh di kembarkan) dengan mengemukakan maklumat yang lengkap berserta dokumen-dokumen berikut:

- i. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini;
- ii. LNPT bagi tahun 2004, 2005 dan 2006; dan
- iii. Pengesahan Ketua Jabatan mengenai Cuti Tanpa Gaji, Laporan Tindakan Tatatertib, Siasatan dan Tindakan Badan Pencegah Rasuah, Kelulusan Pengisytiharan Harta, Penilaian Tahap Kecekapan dan Perakuan Ketua Jabatan.

4. Pastikan permohonan sampai ke jabatan ini tidak lewat dari **31 Januari 2008**, ke alamat berikut:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Aras 6, Blok C2 Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Shahrin bin Hussin)**

5. Urusan pemangkuan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat mengikut kaedah Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1983.

6. Sayugia diingatkan bahawa pemangkuan ini akan melibatkan arahan penempatan bertugas ke tempat lain. Oleh hal yang demikian, pemohon dikehendaki menyatakan sama ada bersedia bertukar atau tidak sekiranya diberi pemangkuan di dalam format di **Lampiran A**.

7. Pihak tuan hendaklah memastikan semua permohonan yang dikemukakan ke Jabatan ini adalah daripada calon-calon yang telah memenuhi semua syarat yang terkandung di perenggan 2 dan 3 surat edaran ini. Permohonan yang lewat diterima atau tidak lengkap, tidak akan dipertimbangkan.

8. Senarai nama pegawai yang telah dikenalpasti boleh memohon dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran B**. Namun sekiranya terdapat mana-mana pegawai di dalam senarai tersebut sebenarnya belum memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 2 di atas maka mereka tidak layak memohon. Sebaliknya jika terdapat pegawai-pegawai yang nama mereka tidak tersenarai tetapi telah memenuhi syarat-syarat berkaitan, mereka layak memohon dan untuk itu bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut untuk tujuan pengesahan:

- i. Encik Mohd Shahrin bin Hussin - 03-88854102
- ii. Puan Zainon binti Shaari - 03-88854353
- iii. Encik Zainudin bin Md Yusof - 03-88854347; dan
- iv. Cik Kartika Khairunnisa binti Kamisan -03-88854278

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,



(AHMAD RODZI BIN ABIDIN)

Timbalan Pengarah,
Bahagian Perkhidmatan,
b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
MALAYSIA.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
 Bahagian Perkhidmatan
 Aras 6, Blok C2, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

(U.P: Encik Mohd Shahrin bin Hussin)

Tuan,

URUSAN PEMANGKUAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17 KE GRED N22 PERKHIDMATAN GUNASAMA AM PERSEKUTUAN

Saya dengan sukacita memohon untuk dipertimbangkan bagi pemangkuan jawatan seperti yang dinyatakan di atas. Butir-butir peribadi saya adalah seperti berikut:

Nama Penuh	:
No Kad Pengenalan	:(Lama)
	(Baru)
Jawatan dan Gred	:	
Tarikh lantikan ke perkhidmatan sekarang	:
Tarikh disahkan dalam jawatan	:
Alamat Penuh	:
Tempat Bertugas	:
	:
	[]
	poskod	
No. telefon / No telefon bimbit	:[]-[]	samb :
	[]-[]	
No. fax	:[]-[]	
E-mail	:	

2. Saya **bersetuju** / **tidak bersetuju*** ditempatkan di mana-mana Kementerian/Jabatan di seluruh negara sekiranya saya berjaya terpilih di dalam urusan pemangkuan ini.

Sekian, terima kasih.

Tarikh :

(.....)

3. Pengesahan Ketua Jabatan

Pengesahan Tindakan Tatatertib	:	Ada / Tiada
Jenis Hukuman (Jika Ada)	:	
Tarikh Hukuman	:	
Siasatan & Tindakan Badan Pencegah Rasuah	:	Ada / Tiada
Jenis Hukuman (Jika Ada)	:	
Tarikh Hukuman	:	
Pengisytiharan Harta	:	
Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) TK1 atau TK 2	:	Umum: Lulus / Lulus Bersyarat / Tidak Melempi TK* Khusus: Lulus / Lulus Bersyarat / Tidak Melempi TK*
Tarikh Lulus PTK	:	
Pengesahan Cuti Tanpa Gaji	:	Ada (Tempoh) / Tiada

* Potong yang mana tidak berkenaan

4. Ulasan Ketua Jabatan

.....

.....

.....

5. Adalah disahkan bahawa kenyataan di atas adalah benar.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :